

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JTP 380 – Kaedah Penyelidikan Perniagaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas borang OMR. **Bahagian B** jawab di atas **buku jawapan** yang disediakan

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll].
Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

BAHAGIAN A [60 markah]

1. Hipotesis didefinisikan sebagai _____.
 - A. kenyataan soalan penyelidikan dalam bentuk yang boleh diuji
 - B. kenyataan secara meluas tujuan penyelidikan
 - C. pengetahuan yang membentuk fakta menjadi sesuatu yang bermakna
 - D. prosedur statistik
 - E. tiada satu pun dari di atas

2. _____ mewakili suatu kumpulan kejadian yang boleh mengambil lebih daripada satu nilai.
 - A. Konstan
 - B. Statistik
 - C. Hipotesis
 - D. Pembolehubah
 - E. Tiada satu pun dari di atas

3. Pemberian nilai kepada sesuatu kejadian/hasil adalah dikenali sebagai _____.
 - A. kebolehpercayaan
 - B. kesahan
 - C. pengukuran
 - D. pembahagian (*assignment*) rawak
 - E. tiada satu pun dari di atas

4. Apakah klasifikasi terbaik untuk pembolehubah “Bangsa”?
 - A. Ordinal
 - B. Interval
 - C. Nisbah
 - D. Nominal
 - E. Tiada satu pun dari di atas

5. Suatu ujian yang sah adalah _____.
 - A. boleh diuji semula dengan mendapat hasil yang sama
 - B. mengukur perkara yang sepatutnya diukur
 - C. boleh diitlakkan kepada populasi
 - D. mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi
 - E. tiada satu pun dari di atas

6. Apakah tahap pengukuran yang paling tepat?
- A. Nisbah
 - B. Nominal
 - C. Ordinal
 - D. Interval
 - E. Tiada satu pun dari di atas.
7. Pensampelan yang “baik” dikatakan mempunyai ciri-ciri berikut: _____.
- A. adanya kebarangkalian sesuatu unit analisis akan diambilkira dalam kajian
 - B. penilaian secara kuantitatif bagi ketepatan pensampelan
 - C. membolehkan membuat keputusan bagi saiz sampel yang diperlukan
 - D. semua di atas
 - E. tiada satu pun dari di atas
8. Perkara-perkara yang perlu difikirkan dalam pemilihan reka bentuk sampel ialah _____.
- A. kos, ketepatan, masa, penerimaan keputusan (*acceptance of results*) dan pengitlakan (*generalizability*)
 - B. liputan, elemen, unit-unit pensampelan, masa dan kos
 - C. replikasi, kos, ketepatan, dan penerimaan keputusan
 - D. populasi, saiz sampel, kos dan ketepatan
 - E. tiada satu pun dari di atas
9. Proses pemilihan sampel berdasarkan populasi yang dipisahkan ke dalam elemen kumpulan yang tidak bertindih (*non-overlapping groups*) dikenali sebagai pensampelan _____.
- A. sistematik
 - B. berkelompok (*cluster*)
 - C. berstratum (*stratified*)
 - D. kawasan
 - E. tiada satu pun dari di atas
10. Sekumpulan responden dikumpulkan di dalam sebuah bilik untuk proses temuduga. Temuduga diawasi dan dibimbing oleh seorang pembincang (*discussant*). Proses temuduga ini dikenali sebagai _____.
- A. temuduga yang berasaskan soal-selidik melalui telefon
 - B. temuduga peribadi
 - C. perbincangan kumpulan fokus
 - D. teknik projektif
 - E. tiada satu pun dari di atas

11. Dua tujuan utama penyelidikan perniagaan ialah _____.
- A. penemuan, pengujian hipotesis
 - B. penemuan, pengitlakan
 - C. kebenaran, verifikasi
 - D. pembentukan hipotesis, pengitlakan
 - E. tiada satu pun dari di atas
12. Seorang pengurus pengeluaran ingin mengetahui produk mana yang lebih baik antara dua jenis produk yang digunakan untuk mengecat rumah. Apakah teknik yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini?
- A. Analisis varians
 - B. Regresi
 - C. Ujian T
 - D. Analisis faktor
 - E. Tiada satu pun dari di atas
13. Kaedah pensampelan apabila setiap individu mempunyai peluang yang sama dan bebas untuk terpilih adalah _____.
- A. pensampelan rawak mudah
 - B. pensampelan sistematik
 - C. pensampelan senang
 - D. pensampelan kuota
 - E. tiada satu pun dari di atas
14. Pengitlakan merujuk kepada _____.
- A. hasil kajian yang boleh diaplikasikan kepada populasi dalam persekitaran yang berbeza
 - B. hasil kajian yang hanya boleh diaplikasikan untuk sampel kajian sahaja
 - C. pensampelan senang
 - D. penggunaan jadual nombor rawak
 - E. membuat kesimpulan berasaskan pengalaman
15. Apa sahaja prosedur yang menggunakan bilangan kecil item atau orang untuk membuat kesimpulan mengenai kumpulan yang lebih besar yang dikenali sebagai populasi di sebut _____.
- A. statistik
 - B. pensampelan
 - C. tinjauan
 - D. teori kebarangkalian
 - E. parameter

16. Jika kita ingin penjelasan mengenai sifat sesuatu masalah, kita akan menjalankan penyelidikan _____.
- A. penjelasan
 - B. penerokaan
 - C. perihalan
 - D. sebab-musabab
 - E. korelasi
17. Jika soalan penyelidikan dinyatakan sebagai berikut “Adakah pembeli akan membeli lebih banyak produk kita sekiranya pembungkusan berwarna biru atau perak?”, jenis penyelidikan yang paling sesuai adalah _____.
- A. penerokaan
 - B. deskriptif
 - C. sebab-musabab
 - D. penjelasan
 - E. tiada jawapan
18. Bahagian pernyataan masalah dalam cadangan penyelidikan _____.
- A. menyatakan masalah
 - B. menyatakan latarbelakang masalah
 - C. menjelaskan akibat masalah yang dihadapi
 - D. mengulang semula soalan pengurusan
 - E. semua di atas
19. Pengenalalan kerja 4 hari dalam seminggu telah membawa kepada peningkatan produktiviti terutamanya di kalangan pekerja muda dengan memperbaiki kepuasan kerja mereka. Dalam kenyataan ini, “Kepuasan Kerja” adalah _____.
- A. pembolehubah tak bersandar
 - B. pembolehubah bersandar
 - C. pembolehubah pencelahan
 - D. pembolehubah penyederhana
 - E. pembolehubah gangguan
20. Mengira min adalah bersesuaian untuk skala _____ atau _____, tetapi adalah tidak sesuai untuk skala _____ atau _____.
- A. selang; nominal; ordinal; nisbah
 - B. nisbah; selang; nominal; ordinal
 - C. ordinal; selang; nisbah; nominal
 - D. nominal; selang; nisbah; ordinal
 - E. tiada satu pun dari di atas

21. Skala nisbah mempunyai semua ciri-ciri skala jenis apa?
- A. Selang
 - B. Ordinal
 - C. Nominal
 - D. Semua di atas
 - E. Tiada satu pun dari di atas.
22. Dalam proses penyelidikan proses yang mana adalah kritikal untuk kejayaan?
- A. Kajian Perintis.
 - B. Pemahaman mengenai masalah.
 - C. Analisis yang terperinci hasil penemuan.
 - D. Reka bentuk yang baik untuk plan pensampelan.
 - E. Jawapan (C) dan (D) sahaja.
23. Soalan yang paling berfaedah bagi seseorang penyelidik yang menjalankan kajian penerokaan adalah _____.
- A. benar/palsu
 - B. soalan anika pilihan
 - C. terbuka
 - D. semua di atas
 - E. tiada satu dari di atas
24. Pensampelan rawak mudah, walaupun suatu pensampelan yang penting, jarang digunakan kerana _____.
- A. kos
 - B. tidak mengandungi maklumat sampel yang mencukupi
 - C. semua elemen dalam populasi mesti dikenalpasti
 - D. jawapan (A) dan (B) sahaja
 - E. semua di atas
25. Reka bentuk longitudinal _____.
- A. mengukur pelbagai pembolehubah dibuat pada satu titik masa
 - B. mengukur satu pembolehubah bagi pelbagai kumpulan responden pada satu titik masa
 - C. mengambil masa yang panjang untuk habis (1 tahun atau lebih)
 - D. mengukur responden yang sama berulang kali dalam satu tempoh masa
 - E. semua di atas benar

26. Dalam proses pembentukan teori, _____ adalah proses yang bermula dengan pengamatan dan membawa kepada kenyataan am manakala _____ adalah proses di mana konsepsualisasi dicabar secara saintifik.
- A. deduksi; induksi
 - B. induksi; reduksi
 - C. induksi; deduksi
 - D. fungsi; deduksi
 - E. deduksi; pengitlakan
27. Manakah antara berikut adalah senarai hierarki kaedah penyelidikan hipotetiko-deduktif?
- A. Kenal pasti masalah – Tentukan pernyataan masalah – Membangunkan hipotesis – Tentukan langkah – Pengumpulan data – Analisis data – Tafsiran data.
 - B. Kenal pasti masalah – Tentukan pernyataan masalah – Tentukan langkah – Pengumpulan data – Membangunkan hipotesis – Analisis data – Tafsiran data.
 - C. Tentukan pernyataan masalah – Kenal pasti masalah – Tentukan langkah – Membangunkan hipotesis – Pengumpulan data – Analisis data – Tafsiran data.
 - D. Kenal pasti masalah – Membangunkan hipotesis – Tentukan langkah – Pengumpulan data – Analisis data – Tafsiran data.
 - E. Tiada satu pun dari di atas.
28. Kriteria penyelidikan saintifik yang menunjukkan bahawa sesuatu reka bentuk penyelidikan itu mestilah mudah difahami disebut sebagai:_____.
- A. ketepatan
 - B. generalisasi
 - C. teratur dan teliti
 - D. mudah difahami
 - E. tiada satu pun dari di atas
29. Kajian _____ juga perlu apabila beberapa fakta diketahui, tetapi maklumat lanjut diperlukan untuk membangunkan kerangka teori yang baik.
- A. penerokaan
 - B. deskriptif
 - C. sebab dan akibat
 - D. eksperimen
 - E. tiada satu pun dari di atas

30. Satu kajian boleh dilakukan di mana data dikumpulkan hanya sekali, mungkin dalam tempoh satu hari atau beberapa minggu atau bulan, dalam usaha untuk menjawab soalan penyelidikan. Kajian sedemikian dipanggil _____.
- A. kajian keratan rentas (*cross-sectional*)
 - B. kajian membujur (*longitudinal*)
 - C. kajian penerokaan
 - D. kajian kes
 - E. tiada satu pun dari di atas
31. Seorang pengurus pemasaran berminat dalam mengesan corak jualan produk tertentu dalam empat kawasan yang berlainan di negara ini pada setiap suku tahun untuk 2 tahun. Ini adalah satu contoh _____.
- A. kajian keratan rentas (*cross-sectional*)
 - B. kajian membujur (*longitudinal*)
 - C. kajian penerokaan
 - D. kajian kes
 - E. tiada satu pun dari di atas
32. Apakah skala pengukuran untuk pembolehubah "Pendapatan", yang diukur seperti berikut:
"Apakah pendapatan kasar tahunan anda?"
- < RM 15,000
 - RM 20,000 – RM 30,000
 - RM 30,000 – RM 45,000
 - > RM 45,000
- A. Nominal
 - B. Ordinal
 - C. Selang
 - D. Nisbah
 - E. Tiada satu pun dari di atas
33. Julia berdiri di atas mesin penimbang tiga kali berturut-turut. Kali pertama berat Julia ialah 69 kg, kali kedua 69 kg, dan kali ketiga 69 kg. Berat sebenar beliau adalah 51 kg. Apa masalah mesin penimbang tersebut?
- A. Mesin penimbang tersebut tidak dipercayai (*reliable*) dan tidak sah (*valid*).
 - B. Mesin penimbang tersebut dipercayai (*reliable*) tetapi tidak sah (*valid*).
 - C. Mesin penimbang tersebut tidak boleh dipercayai (*reliable*) tetapi adalah sah (*valid*).
 - D. Mesin penimbang tersebut adalah dipercayai (*reliable*) dan sah (*valid*).
 - E. Tiada satu pun dari di atas.

34. Soalan-soalan yang digunakan dalam kajian soal-selidik boleh dikatakan _____ jika soalan-soalan tersebut mengukur apa yang sepatutnya diukur.
- A. boleh dipercayai
 - B. tepat
 - C. sah
 - D. konsisten
 - E. tiada satu pun dari di atas
35. Semasa mengambil penyelidik atau konsultan, seorang pengurus perlu memastikan _____.
- A. peranan serta jangkaan kedua-dua pihak dibincangkan dengan jelas
 - B. falsafah serta sistem nilai yang relevan organisasi tersebut dan semua kekangan jika ada, diberitahu dengan jelas
 - C. perhubungan yang bagus dijalinan dengan para penyelidik, di kalangan penyelidik serta pekerja organisasi tersebut, yang membolehkan kerjasama yang mantap dari para pekerja
 - D. semua di atas
 - E. tiada satu pun dari di atas
36. Anda tidak boleh mengukur objek, anda mengukur _____ objek tersebut.
- A. elemen
 - B. dimensi
 - C. latar belakang
 - D. sifat
 - E. tiada satu pun dari di atas
37. Proses penentuan pengukuran (*operationalizing*) adalah _____.
- A. mereka bentuk soal selidik
 - B. penterjemahan definisi masalah ke soalan penyelidikan
 - C. menjadikan satu konsep abstrak boleh diukur
 - D. penentuan konsep yang sukar dalam cadangan penyelidikan
 - E. tiada satu pun dari di atas
38. Apakah skala pengukuran soalan berikut?
"Berapa pendapatan kasar anda sebulan? RM _____"
- A. bukan metrik
 - B. selang
 - C. nisbah
 - D. nominal
 - E. tiada satu pun dari di atas

39. Apakah jenis skala bagi pembolehubah "Umur" jika ia diukur seperti berikut?
"Berapakah umur anda? _____ Tahun."
- A. Nominal
 - B. Ordinal
 - C. Selang
 - D. Nisbah
 - E. Tiada satu pun dari di atas
40. Hipotesis adalah suatu proposisi yang boleh diuji secara empirik.
- A. Betul
 - B. Salah
41. Pensampelan "snowball" adalah pensampelan bukan kebarangkalian.
- A. Betul
 - B. Salah
42. Data sekunder akan menjadi usang (*outdated*) dengan cepat.
- A. Betul
 - B. Salah
43. Elemen adalah ahli dalam sesuatu populasi.
- A. Betul
 - B. Salah
44. Penyelidik mestilah memahami halatuju penyelidikan sebelum boleh memilih reka bentuk penyelidikan.
- A. Betul
 - B. Salah
45. Saiz kumpulan fokus yang unggul adalah 6 hingga 10 orang.
- A. Betul
 - B. Salah
46. Kekuatan utama kajian kes adalah analisis yang mendalam mengenai sesuatu subjek kajian.
- A. Betul
 - B. Salah

47. Kelakuan dan keterampilan penemuduga boleh mempengaruhi jawapan responden.
- A. Betul
 - B. Salah
48. Suatu kekurangan tinjauan melalui mel adalah ketidakpastian sama ada responden yang betul (*intended*) telah mengisi borang soal selidik.
- A. Betul
 - B. Salah
49. Skala yang lebih kompleks adalah lebih tepat berbanding skala yang ringkas.
- A. Betul
 - B. Salah
50. Kedua-dua pembentukan teori (induksi) dan pengujian teori (deduksi) adalah bahagian penting dalam proses penyelidikan.
- A. Betul
 - B. Salah
51. Seorang penyelidik yang memerhati fenomena individu dan atas dasar ini cuba menjana kesimpulan umum merujuk kepada penyelidikan induktif.
- A. Betul
 - B. Salah
52. Satu kajian literatur membantu pembangunan rangka hipotesis dan teori untuk diuji.
- A. Betul
 - B. Salah
53. Satu kajian sebab dan akibat dijalankan dalam persekitaran semulajadi organisasi dengan gangguan yang minimum oleh penyelidik pada aliran biasa kerja.
- A. Betul
 - B. Salah
54. Pengetahuan kaedah atau reka bentuk penyelidikan dapat membantu pengurus untuk menilai dan mengulas cadangan penyelidikan.
- A. Betul
 - B. Salah

55. Penentuan pengukuran untuk konsep abstrak dipanggil proses pengoperasian (*operationalization*) konsep.
- A. Betul
 - B. Salah
56. Suhu biasanya diukur menggunakan skala nisbah.
- A. Betul
 - B. Salah
57. Satu ciri skala nisbah adalah bahawa ia mempunyai titik sifar mutlak.
- A. Betul
 - B. Salah
58. Satu kelebihan dalam melibatkan pasukan dalaman untuk menjalankan projek penyelidikan ialah bertambahnya peluang untuk pasukan dalaman tersebut diterima oleh pekerja di mana penyelidikan perlu dijalankan.
- A. Betul
 - B. Salah
59. Penentuan pengukuran dilakukan dengan melihat dimensi aspek, tingkah laku, atau harta yang diwakili oleh konsep yang terlibat yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam unsur-unsur yang boleh diukur dan dinilai supaya dapat membangunkan indeks pengukuran konsep.
- A. Betul
 - B. Salah
60. Proses penentuan pengukuran konsep terdiri daripada menggariskan sebab-sebab, latar belakang, akibat atau hubung kait konsep tersebut.
- A. Betul
 - B. Salah

BAHAGIAN B [40 markah]
(Jawab SEMUA soalan.)**SOALAN 1 [10 markah]**

Seorang penyelidik ingin menjalankan suatu projek penyelidikan yang akan membolehkan beliau untuk menentukan perhubungan antara gaya kepimpinan, gaji, persekitaran kerja dan kepuasan kerja dalam kalangan doktor di hospital kerajaan.

Untuk kajian di atas, kenal pasti perkara berikut:

- (a) Tujuan Penyelidikan.
- (b) Pembolehubah.
 - (i) Bersandar
 - (ii) Bebas
- (c) Dimensi Masa.
- (d) Unit analisis.

SOALAN 2 [10 markah]

Hipotesis sering digunakan dalam penyelidikan. Pemahaman yang baik tentang hipotesis penting bagi setiap penyelidik.

- (a) Terangkan maksud hipotesis. (5 markah)
- (b) Nyatakan perbezaan hipotesis terarah dan hipotesis tak terarah. Berikan contoh. (5 markah)

SOALAN 3 [10 markah]

Seorang penyelidik di sebuah institusi pengajian tinggi menyatakan dalam laporan penyelidikannya bahawa terdapat beberapa faktor penting yang mempengaruhi komitmen kepada organisasi iaitu tahap pekerjaan, umur dan tempoh perkhidmatan seseorang dalam syarikat. Beliau juga menyatakan bahawa dengan peredaran masa, faktor yang disenaraikan di atas akan membentuk kesetiaan kepada organisasi dan seterusnya meningkatkan komitmen kepada organisasi. Walaubagaimanapun beliau mengatakan bahawa perhubungan ini hanyalah benar bagi mereka yang tidak mempunyai sikap suka menukar kerja.

Sediakan:

- (a) Pernyataan masalah.
- (b) Rajah kerangka teoretikal.
- (c) Empat pernyataan hipotesis yang boleh diuji.

SOALAN 4 [10 markah]

Pengurus sebuah bank ingin menentukan permintaan atas kemudahan pinjaman perumahan yang ditawarkan. Beliau meminta anda menyiasat sebab permintaan terhadap kemudahan tersebut tidak memberangsangkan. Menurut sumber yang sah, anda mendapati bahawa pendapatan pelanggan meningkat untuk beberapa tahun kebelakangan ini, dan juga kadar faedah telah mengalami penurunan yang mempengaruhi jenis rumah yang dibeli. Anda juga mendapati bahawa perilaku pembelian adalah bergantung kepada usia dan status perkahwinan pembeli. Faktor lain yang mempengaruhi permohonan pinjaman perumahan berubah secara rawak seperti promosi yang diberikan oleh bank lain.

Berdasarkan kenyataan di atas, kenalpasti semua pembolehubah yang terlibat dan lukiskan rajah perhubungan antara setiap pembolehubah.

(10 markah)